

ALUAN

PROF. DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSOLOR UTeM

MALAM PENGHARGAAN BERSAMA MEDIA 2019

18 OKTOBER 2019, AMES Hotel, 8.30 pm

Terima Kasih Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmannirrahim.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkiflie Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd. Manap

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Yang Berbahagia Prof. Madya Teknologis Mohd Rahimi bin Yusoff

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Yang Berusaha, Encik Suffian bin Abu Bakar

Yang Di-Pertua Kelab Media Massa Melaka

Pegawai-pegawai kanan Universiti, ketua-ketua biro, rakan-rakan media yang diraikan serta hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera

Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada malam ini, kita dapat dipertemukan dalam Malam Penghargaan Media bagi tahun 2019, anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Kali ini kita memilih AMES Hotel sebagai lokasi penganjuran malam penghargaan media. Diharapkan tuan-tuan dan puan-puan selesa dan menikmati pengisian program malam ini yang telah diaturkan sebaik-baiknya oleh Pejabat Perancangan dan Perhubungan Canselori, UTeM.
3. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua rakan-rakan media yang sudi meluangkan masa hadir ke majlis malam ini. Sesungguhnya, kami amat menghargai kerjasama baik yang diberikan oleh rakan-rakan media kepada UTeM khususnya dalam menyajikan bahan-bahan informasi yang berimpak, sekali gus dapat meningkatkan imej dan visibiliti UTeM di khalayak ramai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

4. Saban tahun, Malam Penghargaan Media ini diadakan untuk meraikan dan menghargai jasa-jasa yang telah disumbangkan oleh pihak media dalam memberikan publisiti dan hebahan ke atas setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh UTeM. Di samping itu juga, majlis ini sebagai medium untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, berkenal-kenalan, bertukar-tukar fikiran dan mengembangkan idea bagi mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang lebih berkesan dalam usaha UTeM memartabatkan pendidikan tinggi teknikal negara.
5. Tanpa bantuan dan kerjasama rakan media segala usaha dan aktiviti yang dilaksanakan oleh UTeM agak sukar untuk sampai kepada masyarakat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

6. Alhamdulillah, tahun demi tahun, publisiti UTeM menerusi paparan berita yang disiarkan melalui media cetak dan media digital terus mempamerkan pertumbuhan positif bagi paparan aktiviti dan pencapaian UTeM yang disiarkan menerusi akbar-akhbar utama nasional dan negeri.
7. UTeM kerap kali bersiaran menerusi berita-berita utama dalam saluran RTM, Astro Awani serta rangkaian Prime TV (Media Prima) di samping publisiti UTeM kerap kali didengari secara menerusi di radio-radio negeri dan nasional.

8. Ini secara langsung membolehkan perkhabaran dari kami, dapat terus dikongsi kepada segenap komuniti di seluruh pelusuk negara dan merentasi pelbagai segmentasi.
9. Antara paparan media yang mendapat liputan meluas atau menjadi perhatian adalah seperti kejayaan penyelidikan UTeM yang mengetuai kajian fenomena kilat di Antartika, Projek penyelidikan Tangan Bio Mekanik, makmal pemanduan kenderaan tanpa pemandu yang mendapat pengiktirafan oleh kerajaan Belanda, selain pelbagai pencapaian kecemerlangan siswa UTeM dan banyak lagi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

10. Saya tidak berhasrat untuk bercakap lebih lama lagi kerana banyak lagi pengisian yang telah diatitkan pada malam ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua rakan media dan hadirin sekalian yang dapat bersama-sama pada malam ini. Mudah-mudahan hubungan erat bersama rakan-rakan media yang sedia terjalin akan terus berkekalan.

11. Kepada Jawatankuasa Penganjur, iaitu Pejabat Pengurusan Dan Perhubungan Canselori yang juga merupakan penghubung utama antara Universiti dan Media, teruskan usaha dalam meningkatkan lagi imej dan visibiliti UTeM menerusi usahasama strategik bersama rakan-rakan media.

Letih berjalan di tengah pekan
Sambil berjalan berpegangan tangan
Terima kasih kami ucapkan
Jasa rakan media jadi kenangan.

Sekian, terima kasih.